

MAHATHIR-PULAU R'g'g'

(I)

1985  
KUALA LUMPUR, 19 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BAHAWA KERAJAAN BELUM LAGI MENERIMA BANTAHAN RASMI DARI CHINA BERHUBUNG DENGAN KEHADIRAN ANGGOTA TENTERA MALAYSIA DI PULAU TERUMBU LAYANG-LAYANG.

PERDANA MENTERI MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS KUNJUNGAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA INDONESIA, JENERAL TAN SRI BENNY MOERDANI, DI SINI.

PANGLIMA ANGKATAN TENTERA, JEN. TAN SRI GHAZALI MOHAMED SETH, BARU-BARU INI MENYATAKAN BAHAWA ANTARA 10 DENGAN 20 ORANG ANGGOTA TENTERA TELAH DIHANTAR KE PULAU TERUMBU LAYANG-LAYANG, KIRA-KIRA 60 KM KE TIMUR LAUT PULAU KECIL AMBOYNA YANG DIKUASAI OLEH VIETNAM.

MALAYSIA TELAH MENERIMA NOTA BANTAHAN DARI VIETNAM MENDUNTUTNYA BERUNDUR DARI PULAU TERUMBU LAYANG-LAYANG BARU-BARU INI, TETAPI TIMBALAN MENTERI LUAR ENCIK KADIR SHEIKH FADZIR KETIKA MENYATAKAN BAHAWA TERUMBU LAYANG-LAYANG ITU SENTIASA MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH MALAYSIA JUGA MENGINGATKAN HANDI TENTANG BANTAHAN MALAYSIA TERHADAP PENDUDUKAN PULAU KECIL AMBOYNA. -- LAGI 1846/AI

MAHATHIR-PULAU 2 KUALA LUMPUR

KEDUA-DUA KERAJAAN MALAYSIA DAN VIETNAM, SEJAK PERTIKAIAN PULAU KECIL AMBOYNA ITU TIMBUL BEBERAPA TAHUN LALU, TELAH BERSETUJU MENYELESAIKANNYA MENERUSI RUNDINGAN.

SEMALAM, SATU LAPORAN AGENSI BERITA DARI PEKING MENYATAKAN BAHAWA CHINA TELAH MEMBANTAH PENDUDUKAN PULAU TERUMBU LAYANG-LAYANG OLEH MALAYSIA BARU-BARU INI DALAM GUGUSAN KEPULAUAN SPRATLY DI LAUT CHINA SELATAN.

MENURUT LAPORAN AGENSI ITU PENGARAH PENERANGAN KEMENTERIAN LUAR CHINA, QI HUAIFYUAN, KETIKA MENYUARAKAN BANTAHAN ITU, TIDAK MENYEBUT MALAYSIA SEBAGAI NEGARA YANG TELAH MENGHANTAR ANGGOTA TENTERA MENDUDUKI TERUMBU ITU.

LAPORAN ITU MENYATAKAN BAHAWA QI HUAIFYUAN MENGESAHKAN TUNTUTAN CHINA KE ATAS KEPULAUAN SPRATLY DAN MENAMBAH BAHAWA SALAH SATU DARIPADA PULAU ITU +DIDUDUKI SECARA HARAM.+

KEPULAUAN SPRATLY DAN PULAU-PULAU KECIL DI SEKITARNYA DIPERCAYAI KAYA DENGAN MINYAK DI KAWASAN LUAR PANTAINYA. -- BERNAMA 1852/AI